



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



Unicc  
MAJLIS KONGRES  
UNIVERSITI MALAYSIA



# KOKURIKULUM DAN PEMBANGUNAN MAHASISWA HOLISTIK

PENYUNTING  
**Muhamad Mat Noor**  
**Norkhairani Abdul Rawi**  
**Mohd Nazri Muhayiddin**

- BADAN BERUNIFORM
- KEPIMPINAN & KESUKARELAWANAN
- KEUSAHAWANAN & PENGURUSAN
- SUKAN, KEBUDAYAAN & REKREASI
- SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI



## EDITOR DAN PENULIS

M.M.Noor, A.R.Norkhairani, M.N.Muhayiddin, S.R.A.Idris, M.H.Norhidayah, A.T.Othman dan E.Ismail (Eds.). (2020). *Kokurikulum dan Pembangunan Mahasiswa Holistik*, ISBN 978-967-2226-56-7, Pahang, UMP Press.

M.M.Noor, A.R.Norkhairani, M.N.Muhayiddin, S.R.A.Idris, M.H.Norhidayah (2020). Kokurikulum Institusi Pengajian Tinggi Malaysia, pp.1-8, in M.M.Noor et al. (Eds.), *Kokurikulum dan Pembangunan Mahasiswa Holistik*, ISBN 978-967-2226-56-7, Pahang, UMP Press.

A.T.Othman, M.S.M.Rahim, R.C.Aman, N.F.Amin, I.Z.Mat Darus (2020). Dasar dan Pengurusan Kokurikulum, pp. 9-38, in M.M.Noor et al. (Eds.), *Kokurikulum dan Pembangunan Mahasiswa Holistik*, ISBN 978-967-2226-56-7, Pahang, UMP Press.

H.Abdullah, M.K.M.Nor, M.N.A.Hamid, N.A.Rahman, M.Z.Kasmuin, C.P.Faizul, A.H.Ibrahim, K.N.Azila (2020). Kemahiran Insaniah Dalam Kursus Kokurikulum, pp. 39-70, in M.M.Noor et al. (Eds.), *Kokurikulum dan Pembangunan Mahasiswa Holistik*, ISBN 978-967-2226-56-7, Pahang, UMP Press.

S.R.A.Idris, M.M.Noor, M.M.Morni, F.Muda, K.Ibrahim (2020). Teras Tumpuan Dalam Kursus Kokurikulum, pp. 71-88, in M.M.Noor et al. (Eds.), *Kokurikulum dan Pembangunan Mahasiswa Holistik*, ISBN 978-967-2226-56-7, Pahang, UMP Press.

W.Wahiza, I.Fazilah, C.A.Adi Irfan, M.Y.Mazuki, I.Asmadi, K.Naida, N.I.Udzir, P.Muthusamy, S.S.Isa (2020). Pengajaran dan Pembelajaran Kokurikulum, pp. 89-110, in M.M.Noor et al. (Eds.), *Kokurikulum dan Pembangunan Mahasiswa Holistik*, ISBN 978-967-2226-56-7, Pahang, UMP Press.

A.R.Norkhairani, M.N.Muhayiddin, N.H.Ismail, M.H.Norhidayah, H.Hasni, M.S.Zakaria (2020). Penaksiran Kursus Kokurikulum, pp. 111-134, in M.M.Noor et al. (Eds.), *dan Pembangunan Mahasiswa Holistik*, ISBN 978-967-2226-56-7, Pahang, UMP Press.

A.M.Ismail, S.Y.Wong, B.Murphy, M.Ibrahim, Y.M.T.Wendy, M.F.Abdullah, S.Lambak, M.A.Ghazali, A.Norida, R.I.Ibrahim (2020). Nilai Sejagat Dalam Kursus Kokurikulum, pp. 135-164, in M.M.Noor et al. (Eds.), *Kokurikulum dan Pembangunan Mahasiswa Holistik*, ISBN 978-967-2226-56-7, Pahang, UMP Press.

H.Noordin, S.R.Ghazali, P.Suppiah, I.Ismail, F.Jurry (2020). Pengurusan Risiko Aktiviti Kokurikulum, pp. 165-180, in M.M.Noor et al. (Eds.), *Kokurikulum dan Pembangunan Mahasiswa Holistik*, ISBN 978-967-2226-56-7, Pahang, UMP Press.

A.R.Norkhairani, M.M.Noor, S.R.A.Idris, M.N.Muhayiddin (2020). Masa Depan Kursus Kokurikulum, pp.181-184, in M.M.Noor et al. (Eds.), *Kokurikulum dan Pembangunan Mahasiswa Holistik*, ISBN 978-967-2226-56-7, Pahang, UMP Press.

## BAB 6

### PENAKSIRAN KURSUS KOKURIKULUM

Norkhairani Abdul Rawi (UniSZA), Mohd Nazri Muhayiddin (UMK),  
Noor Halil Ismail (UiTM), Siti Norhidayah Mat Hussin (UMK),  
Hasni Hassan (UniSZA), Muhammad Syuhairi Zakaria (UiTM)

#### 6.1 PENGENALAN

Penawaran kursus kokurikulum di IPT mempunyai hasrat, matlamat dan objektif tertentu. Seperti yang dibincangkan dalam bab-bab sebelum ini, hasrat pendidikan kebangsaan adalah untuk menghasilkan insan yang mempunyai keseimbangan dari aspek Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek (JERI) atau holistik untuk berdaya saing pada peringkat global. Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah diterjemahkan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang telah dimulakan pada tahun 2007 (Kementerian Pengajian Tinggi, 2007). PSPTN dibahagikan kepada empat (4) fasa yang setiap satunya mempunyai fokus yang tertentu. Pelan ini diringkaskan seperti dalam Jadual 6.1.

**Jadual 6.1:** Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara

Fasa	Tahun	Fokus
Fasa 1	2007 – 2010	Peletakan Asas
Fasa 2	2011 – 2015	Peningkatan dan Pemeraksanaan
Fasa 3	2016 – 2020	Kecemerlangan
Fasa 4	Melangkau 2020	Kegemilangan dan Kelestarian

Sumber: [www.mohe.gov.my/psptn](http://www.mohe.gov.my/psptn)

Berdasarkan Jadual 6.1, kita sedang berada dalam Fasa 3 yang memfokuskan kepada kecemerlangan pendidikan tinggi. Justeru, kursus kokurikulum yang ditawarkan di IPT seharusnya mendokong aspirasi PSPTN ini. Kursus kokurikulum bukan sahaja menjadi pelengkap kepada pembangunan menyeluruh program pengajian akademik yang diikuti oleh setiap pelajar, malah KKB haruslah memacu keupayaan, keterampilan, dan kecemerlangan pelajar berkenaan. PSPTN telah digantikan dengan PPPM 2015 – 2025 (PT).

Isunya sekarang ialah bagaimana pengurus tadbir dan pihak yang terlibat dalam pelaksanaan kursus kokurikulum dapat memastikan pelaksanaan kursus kokurikulum telah mencapai matlamat tersebut? Adakah pelajar telah menguasai dan mencapai hasil pembelajaran kursus yang telah dipetakan dalam proforma kursus? Bagaimanakah hasil pembelajaran diukur? Apakah instrumen yang sesuai untuk mengukur pencapaian pelajar terhadap hasil pembelajaran kursus?



Pelajar CITra UM melakukan aktiviti memanah untuk Kursus Kurikulum Berkredit.

Untuk menjawab persoalan-persoalan di atas, penaksiran terhadap pencapaian pelajar adalah perlu untuk memastikan hasil pembelajaran kursus telah dicapai dengan jayanya. Kaedah penaksiran dan penilaian yang objektif dan efektif merupakan elemen penting dan kritikal dalam melahirkan hasil pembelajaran seperti yang dikehendaki. Penilaian dan penaksiran mempunyai matlamat yang penting dan berbeza. Penilaian bertujuan untuk menetapkan hasil keputusan pendidikan dan pada kebiasaannya ia bersifat sumatif manakala penaksiran pula bersifat formatif dan tujuan utama ialah untuk penambahbaikan proses PdP. Bagi kursus kokurikulum yang lebih bersifat keadaan sebenar dan rencam, kaedah penaksiran lebih memenuhi matlamat untuk mengukur kemahiran insaniah yang harus dicapai oleh setiap pelajar. Dengan itu instrumen penaksiran yang mempunyai nilai kebolehpercayaan (*reliability*) dan kesahan (*validity*) perlu dibangunkan untuk memastikan pelajar diukur dengan sebaiknya.

Penaksiran adalah satu elemen penting yang dijadikan petunjuk tentang keberkesanan kaedah penyampaian serta menjadi alat pengukuran keberkesanan pelaksanaan semasa berkaitan penawaran dan pelaksanaan sesuatu kursus kokurikulum. Hasil yang diperolehi daripada penaksiran

boleh dijadikan petunjuk untuk sebarang proses penambahbaikan kerana itulah perbezaan utama antara penaksiran dengan penilaian. Penambahbaikan sesuatu pendekatan dalam apa jua aspek hanya boleh dibuat sekiranya terdapat petunjuk yang dapat menjadi asas kepada langkah penambahbaikan yang bersesuaian. Penaksiran juga boleh digunakan sebagai alat untuk pengajar menambah baik pengajaran mereka (Gibbs dan Simpson, 2004). Bukan itu sahaja, malah penaksiran mampu menjadi instrumen bagi pelajar mencorakkan pengalaman pembelajaran mereka serta dapat mempengaruhi pengetahuan, perlakuan serta sikap mereka.

Bab ini membincangkan secara terperinci penaksiran dalam kursus kokurikulum yang boleh dijadikan panduan oleh IPT di Malaysia sama ada IPTA atau IPTS yang dimulai dengan pengenalan kepada penaksiran. Bahagian seterusnya dalam bab ini akan membincangkan definisi serta peranan penilaian dan penaksiran khususnya dalam kursus kokurikulum serta kepentingannya dalam penawaran dan pelaksanaan kursus kokurikulum. Perbincangan juga dibentangkan berkaitan dengan rubrik penaksiran yang bersesuaian seiring dengan peredaran masa dan kemajuan teknologi serta pendekatan-pendekatan baharu yang lebih relevan. Contoh penaksiran serta rubrik dalam beberapa teras terpilih turut disertakan untuk memberi gambaran cara penaksiran elemen afektif dapat dilakukan dalam kursus kokurikulum.

## **6.2 PENILAIAN DAN PENAKSIRAN DALAM PENDIDIKAN**

Penilaian dan penaksiran adalah dua terma yang biasa digunakan dalam bidang pendidikan. Walaupun sering ditafsirkan sebagai terma yang mempunyai maksud yang sama, perincian berkenaan maksud dan cara pelaksanaan penilaian dan penaksiran akhirnya menjurus kepada pengertian yang membezakan kedua-dua perkataan tersebut (Gronlund & Linn, 1965; Stufflebeam, 1968; Dick, 1977; Stufflebeam, 2003; Gardner, 2012; Stufflebeam & Shinkfield 2012).

Kamus Dewan Edisi ke-4 mendefinisikan penilaian sebagai perbuatan atau hal menilai (Dewan Bahasa & Pustaka, 2019), manakala Kamus Oxford secara dasarnya menafsirkan penilaian sebagai proses membuat keputusan berkenaan amaun, nombor ataupun nilai bagi sesuatu (*Oxford Dictionary*, 2019). Tyler et al. (1967) pula mentakrifkan penilaian sebagai pertimbangan berjustifikasi berdasarkan matlamat berwajaran yang spesifik yang akhirnya menghasilkan penarafan secara perbandingan atau secara numerikal. Sebagai contoh, dalam bidang pendidikan, penilaian adalah satu kaedah bertujuan untuk menghasilkan nilai kuantitatif bagi penentuan peringkat pencapaian dan kedudukan seorang pelajar dalam pembelajaran yang merangkumi aspek pengujian dan pengukuran (Alias, 2013). Secara

spesifiknya, penilaian didefinisikan sebagai satu kaedah sistematik yang melibatkan proses pengumpulan, penggabungan serta interpretasi data untuk membuat pertimbangan atau keputusan dalam mentafsir hasil pengukuran; yang bertujuan untuk memberi maklumat tentang pencapaian akademik, kemahiran atau sikap (Dick, 1977; Alias, 2013; Mertens, 2014).

Terdapat beberapa model yang dibangunkan untuk menilai pembelajaran secara sistematik. Antara model yang paling meluas digunakan adalah Model “CIPP” yang dibangunkan oleh Stufflebeam (1968) yang berfokuskan penilaian bagi konteks, input, proses dan produk. Berdasarkan Stufflebeam (1968), penilaian berasaskan CIPP boleh dihuraikan seperti berikut:

### **1. Penilaian konteks**

Merangkumi semua aktiviti yang dikenal pasti oleh penilai sebagai faktor-faktor yang menentukan persekitaran sesuatu projek, termasuk sebarang masalah atau pendorong kepada keberjayaan kepada pelaksanaan projek berkenaan.

### **2. Penilaian Input**

Aktiviti-aktiviti untuk menilai kemampuan sesuatu projek serta strategi yang digunakan untuk mencapai objektif projek, mereka bentuk rancangan untuk mengimplementasi aktiviti-aktiviti berkaitan matlamat projek, serta menganalisis rancangan alternatif untuk mencapai matlamat berkenaan.

### **3. Penilaian Proses**

Melibatkan aktiviti-aktiviti untuk mengenal pasti kelemahan dalam arahan atau prosedur melalui penilaian formatif dan pengumpulan maklumat bagi tujuan dokumentasi bagi bahan-bahan atau prosedur yang digunakan bagi sesuatu penilaian.

### **4. Penilaian Produk**

Fasa ini melibatkan penilaian dan pelaporan berkenaan pelaksanaan objektif projek, penilaian bagi kriteria yang menentukan keberjayaan aktiviti-aktiviti projek, hubungkait antara fasa-fasa berkaitan, serta pelaporan di samping menyebarkan luas data berkaitan kejayaan dan kegagalan sesuatu projek.

Secara ringkas, penilaian pada tahap ini dipanggil penilaian sumatif yang melibatkan penilaian projek secara keseluruhan iaitu bermula dengan sasaran matlamat projek, implementasi aktiviti-aktiviti projek hinggalah kepada penilaian hasil daripada pelaksanaan sesuatu projek. Perbezaan dan hubungan antara penilaian dengan penaksiran, penaksiran secara umum mengikut Kamus Dewan Edisi ke-4 adalah perihal menaksir di mana proses menaksir bermaksud sama ada mengira, menghitung jumlah,

menentukan harga atau membuat agakan dengan melihat keadaan (DBP, 2019). Kamus Oxford pula menakrifkan penaksiran sebagai penilaian atau anggaran berkenaan sifat, kualiti atau kemampuan seseorang atau sesuatu (Dictionary 2019). Secara lebih spesifik, penaksiran didefinisikan sebagai satu proses yang melibatkan proses menghurai, merekod, mengumpul, memberi skor, menganalisis, mensintesis dan membuat interpretasi keseluruhan maklumat berkaitan PdP (Biggs, 1998; Alias, 2013; Boulmetis & Dutwin, 2014; Malaysia, 2009, 2013, 2017; Mustaffa, 2017). Tujuan utama penaksiran dilakukan adalah untuk mengumpulkan maklumat berkaitan proses, dan akhirnya maklumat berkenaan digunakan untuk membuat keputusan dalam mempertimbangkan sesuatu produk atau aktiviti-aktiviti berkenaan PdP (Gardner, 2012).

Bloxham dan Boyd (2007) memperincikan penaksiran yang dapat diklasifikasikan kepada tiga kategori iaitu:

1. Penaksiran terhadap pembelajaran
2. Penaksiran untuk pembelajaran
3. Penaksiran sebagai pembelajaran

### **1. Penaksiran terhadap pembelajaran**

Ausubel (1968) mencadangkan bahawa faktor paling penting yang mempengaruhi proses pembelajaran adalah apa yang telah diketahui oleh para pelajar, yang mana harus diketahui oleh para pengajar di mana para pengajar harus mengajar mengikut kewajaran yang sepatutnya. Dengan kata lain, penaksiran terhadap pembelajaran bertujuan untuk menilai tahap pembelajaran sepanjang proses pembelajaran berlaku; di mana maklum balas daripada penilaian tersebut digunakan untuk menambahbaik proses pembelajaran sehingga hasil pembelajaran tercapai (Malaysia, 2009). Dalam proses penaksiran ini, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan digunakan sebagai instrumen untuk mengukur hasil pembelajaran yang berkaitan.

### **2. Penaksiran untuk pembelajaran**

Proses penaksiran untuk pembelajaran berlaku dalam persekitaran pembelajaran sesama rakan sebaya dan secara berkumpulan di mana persekitaran tersebut menjadi aspek yang menggalakkan perbincangan dan maklum balas secara formatif. Kajian-kajian terdahulu membuktikan bahawa sikap pelajar terhadap pembelajaran terbentuk berdasarkan maklum balas yang mereka dapati sedari usia muda, terutamanya dari usia kanak-kanak (Wiliam, 2011).

### **3. Penaksiran sebagai pembelajaran**



Dalam penaksiran sebagai pembelajaran, para pelajar akan melalui proses pembelajaran ketika bekerja untuk menyelesaikan sesuatu tugas.

Oleh kerana aktiviti penaksiran dilakukan secara berterusan, ianya juga menjadi instrumen untuk satu proses untuk mendapatkan gambaran tentang prestasi pembelajaran seseorang pelajar dalam sesuatu subjek atau aktiviti pembelajaran. Proses penaksiran juga dikenali sebagai penilaian formatif berdasarkan kaedahnya yang bersifat berterusan. Dalam konteks sesuatu program, penilaian sumatif berupaya memberikan maklumat untuk membuat keputusan berkenaan nilai keseluruhan sesuatu program pendidikan, manakala penilaian formatif disasarkan untuk memudahkan proses penambahbaikan bagi sesuatu program (Tyler, Gagné & Scriven, 1967). Bloom (1969) pula meringkaskan penilaian sumatif bagi sesuatu kursus atau program berasaskan proses penghakiman berkenaan apa yang telah dicapai oleh para pelajar di akhir kursus atau program tersebut, dan penilaian formatif sebagai satu proses yang melibatkan maklum balas dan langkah-langkah penambahbaikan di setiap fasa PdP.

Ringkasnya, proses penilaian dan penaksiran berupaya memberi indikasi holistik terhadap kesemua aktiviti yang telah dijalankan untuk mencapai objektif sesuatu projek, ataupun proses PdP secara keseluruhan. Hal ini disokong oleh Taras yang menegaskan bahawa semua penilaian secara umumnya bermula daripada penilaian sumatif di mana penilaian formatif sebenarnya adalah penilaian sumatif termasuk maklum balas (Taras, 2005) yang berpotensi digunakan sebagai elemen penambahbaikan bagi para pelajar dan pihak penilai.

Seterusnya, bab ini akan memperincikan kepentingan penaksiran dalam kursus kokurikulum yang sesuai dengan hasil pembelajaran kursus yang memfokuskan kepada pengukuran domain afektif. Antara intipati perbincangan adalah prinsip OBE serta konsep Penjajaran Konstruktif (*Constructive Alignment – CA*) dalam memastikan sinergi antara elemen dalam pelaksanaan PdP. Seterusnya perkaitan antara CA dengan Penambahbaikan Kualiti Berterusan (*Continuous Quality Improvement – CQI*) ditunjukkan dan cara penaksiran memainkan peranan untuk memastikan kitaran CQI dapat dilaksanakan dalam menambah baik program akademik.

### **6.3 KOKURIKULUM BERKREDIT DAN TIDAK BERKREDIT**

Aktiviti kokurikulum pada peringkat UA boleh berlaku dalam dua bentuk atau kaedah iaitu berkredit dan tidak berkredit. Perbezaan utama antara kedua-duanya adalah dari segi perekodan hasil dan pencapaian pelajar. Kokurikulum berkredit memerlukan perancangan rapi, bermula daripada



awal pembangunan hasil pembelajaran hinggalah kepada penilaian. Pelaksanaannya lebih terarah kerana penetapan hasil telah dipetakan kepada domain tertentu dalam Kerangka Kelayakan Malaysia. Bagi KKB, pada akhirnya pelajar akan mendapat nilai mata gred keseluruhan hasil kombinasi instrumen penilaian dalam sesebuah kursus kokurikulum. Pencapaian ini direkodkan dalam format yang ditentukan oleh setiap UA dan dianalisis bagi tujuan CQI.



Selaman *scuba* adalah antara kursus yang menjadi rebutan pelajar UMP (ihisan Pusat Kokurikulum UMP).


Berbeza dengan aktiviti kokurikulum tidak ber kredit, walaupun aktiviti ini turut dirancang dengan teliti namun objektifnya tidak dipetakan secara khusus kepada mana-mana domain dalam Kerangka Kelayakan Malaysia namun masih menekankan elemen pembangunan kemahiran insaniah. Pemantauan aktiviti masih dijalankan pada tahap minimum dan tiada pengukuran secara spesifik. Kebiasaannya hasil sesebuah program hanya direkodkan melalui penggunaan instrumen borang maklum balas serta laporan aktiviti yang tidak dibuat analisis atau laporan dapatan. Walaupun terdapat peningkatan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar, namun peningkatan ini tidak dapat dilihat dengan jelas dalam aktiviti kokurikulum tidak ber kredit. Hasil program ini lebih menjurus kepada transformasi peribadi terutamanya dalam kalangan pelajar yang menjadi penggerak atau ahli jawatankuasa pelaksanaan aktiviti.

#### **6.4 KEPENTINGAN PENAKSIRAN DALAM KURSUS KOKURIKULUM**

Pendekatan pendidikan yang diamalkan di IPT di Malaysia perlu lebih menekankan kepada hasil pembelajaran yang menjurus kepada

peningkatan pengetahuan, kemahiran, adab dan sikap seperti yang digariskan dalam lapan Domain Hasil Pembelajaran (DHP) Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM).

Penaksiran telah mengalami banyak perubahan daripada semasa ke semasa. Dewasa ini, penaksiran telah berubah daripada perkara yang dibuat oleh guru atau pengajar kepada perkara yang telah dipelajari oleh pelajar (Boud & Soler, 2016). Pendidikan telah berkembang daripada perkara yang diajar kepada hasil yang diperolehi. Hal ini dikenali sebagai OBE (Rajah 6.1) dan kaedah ini membolehkan kelestarian pendidikan dapat dicapai.



**Rajah 6.1:** Kitaran PDCA bagi Keseluruhan Strategi Implementasi OBE (adaptasi daripada (Shuaib, Anuar, Singh, & Yusoff, 2009)).

Rajah 6.1 menunjukkan kitaran keseluruhan strategi implementasi OBE yang mana dapat dilihat konsep CA yang menyepadukan hasil pembelajaran dengan aktiviti pembelajaran serta penilaian dan penaksiran.

Untuk memastikan hasil pembelajaran kursus kokurikulum dapat dicapai, penaksiran mempunyai banyak kelebihan yang boleh digunakan untuk tujuan ini. Bryan dan Clegg (2019) telah memberikan lima saranan untuk memastikan penaksiran dan maklum balas benar-benar menyokong pembelajaran dimana penaksiran mestilah:

- a. Memenuhi keperluan pembelajaran pelajar
- b. Sesuai dengan tujuan
- c. Jelas serta disusun berjujukan untuk mempamerkan pencapaian progresif
- d. Dialogik
- e. Sahih.

Penaksiran dalam PdP adalah penting untuk memastikan output yang diharapkan telah dicapai. Kesepaduan antara hasil pembelajaran, aktiviti dan kaedah penyampaian serta penaksiran dalam sesebuah kursus perlu disinergikan. Kesepaduan ini menurut Biggs (dalam KPT, 2016) dikenali sebagai penjajaran konstruktif. Penaksiran adalah salah satu elemen penting dalam penjajaran konstruktif. Penaksiran juga merupakan medium maklum balas kepada pengajar berkaitan aktiviti pembelajaran yang telah dilaksanakan. Secara ringkasnya penjajaran konstruktif dapat digambarkan seperti Rajah 6.2.



**Rajah 6.2:** Kesepaduan antara Elemen.

Penjajaran konstruktif merujuk kepada prinsip yang digunakan dalam proses untuk merangka aktiviti PdP serta tugas penaksiran. Penjajaran ini mestilah mengaitkan secara langsung hasil pembelajaran yang ingin dicapai menggunakan kaedah alternatif yang biasanya tidak boleh dicapai melalui kuliah tradisional, kelas tutorial dan peperiksaan (KPT, 2016). Penjajaran konstruktif merupakan pendekatan reka bentuk kursus bagi tujuan memupuk graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang selari dengan lonjakan pertama dalam PPPM 2015-2025 (PT). Untuk mencapai



pelaksanaan peringkat kursus kerana ianya merupakan titik mula pengukuran pencapaian objektif.

Penambahbaikan turut melibatkan kursus kokurikulum yang merupakan sebahagian daripada kursus dalam semua program pengajian di Malaysia pada peringkat prasiswazah. Justeru, pentingnya penaksiran dalam kursus kokurikulum untuk memastikan KKB telah mencapai hasil pembelajaran yang telah ditetapkan. Analisis terhadap hasil penaksiran akan menentukan sama ada kursus tersebut perlu melaksanakan langkah penambahbaikan pada masa akan datang. Seandainya penaksiran tidak dilaksanakan dengan betul dan sejajar dengan hasil pembelajaran yang diharapkan, maka keputusan analisis yang dibuat mungkin tidak menggambarkan pencapaian atau tahap sebenar sesebuah kursus. Hasil analisis ini akan menyumbang kepada hasil pembelajaran program (PLO) seterusnya menjadi input kepada objektif pendidikan program (PEO) yang akan menentukan kesinambungan sesebuah program.

Bahagian seterusnya akan membincangkan aktiviti penaksiran yang sesuai untuk KKB. Perbincangan juga akan mengulas contoh penaksiran yang sedang digunakan serta penggunaan rubrik yang sesuai. Walau bagaimanapun, contoh ini adalah sebagai panduan sahaja dan boleh diubahsuai berdasarkan keperluan setiap institusi.

## **6.5 PELAN PENJAJARAN KURSUS KOKURIKULUM**

Penjajaran konstruktif merujuk kepada prinsip yang digunakan untuk merangka aktiviti PdP serta tugas penaksiran yang berkaitan. Tujuan penjajaran dilakukan adalah untuk mengaitkan secara langsung hasil pembelajaran yang disasarkan yang biasanya tidak boleh dicapai melalui kuliah tradisional, kelas tutorial dan peperiksaan.

Kaedah penaksiran dan penilaian yang objektif dan efektif merupakan elemen penting dan kritikal dalam merealisasikan hasil pembelajaran seperti yang dikehendaki. Penilaian dan penaksiran dengan itu mempunyai matlamat yang penting dan berbeza. Penilaian bertujuan untuk menetapkan hasil keputusan pendidikan dan pada kebiasaannya ia bersifat sumatif. Manakala penaksiran pula bersifat formatif dan tujuan yang utama iaitu penambahbaikan proses PdP. Bagi kursus kokurikulum yang lebih bersifat keadaan sebenar dan rencam, matlamat kaedah penaksiran adalah untuk mengukur kemahiran insaniah yang harus dicapai oleh setiap pelajar. Sehubungan dengan itu, instrumen penaksiran yang mempunyai nilai kebolehpercayaan (*reliability*) dan keesahan (*validity*) perlu dibangunkan untuk memastikan pencapaian pelajar diukur dengan sebaiknya.



Palapes adalah aktiviti yang mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi (ihсан Pusat Kokurikulum UPSI)

Pada tahun 2013, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Malaysia telah mula merangka PPPM 2015-2025 (PT). Berdasarkan pelan ini, KPT telah mencadangkan 10 lonjakan dalam rangka memacu Malaysia ke arah menjadi negara maju berpendapatan tinggi. Terdapat 10 lonjakan PPPM 2015-2025 (PT) adalah seperti berikut:

1. Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang
2. Kecemerlangan Bakat
3. Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat
4. Graduan TVET Berkualiti
5. Kemampanan Kewangan
6. Pemantapan Tadbir Urus
7. Ekosistem Inovasi
8. Keunggulan Global
9. Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global
10. Transformasi Penyampaian Pendidikan Tinggi

Sehubungan itu, KPT telah menerbitkan sebuah buku panduan khas bertajuk Rubrik PNGK Bersepadu iCGPA Panduan Penaksiran Hasil Pembelajaran pada tahun 2016 (KPT, 2016). Buku tersebut diterbitkan sejajar dengan aspirasi PPPM 2015 – 2025 (PT), Pelan Strategik Pengajian Negara (PSPTN) dan juga berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Buku ini memfokuskan kepada Lonjakan 1 iaitu pelaksanaan Sistem Penilaian Bersepadu yang menzahirkan pencapaian holistik pelajar hasil daripada pengalaman pembelajaran di IPT. Berdasarkan buku panduan tersebut, PNGK Bersepadu (iCGPA) berperanan untuk memacu amalan penjajaran konstruktif untuk memastikan reka bentuk kurikulum, pelaksanaan kurikulum dan proses penaksiran pada peringkat kursus dan

program adalah berkualiti. Tiga kriteria utama PNGK Bersepadu adalah (KPT, 2016):

1. Satu sistem atau mekanisme penaksiran dan pelaporan mengenai peningkatan dan pembangunan bersepadu pelajar dari segi adab (etika dan nilai murni), pengetahuan deklaratif dan fungsional serta kemahiran teknikal mereka dalam bidang disiplin yang diceburi.
2. Pelaporan iCGPA memperlihatkan pencapaian atribut pelajar untuk enam aspirasi yang digariskan dalam PPPM 2015-2025 (PT) yang juga terkandung dalam lapan domain hasil pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia. Mekanisme ini bertujuan membantu pihak berkepentingan merancang dan menentukan langkah penambahbaikan yang paling seajar.
3. Oleh itu, pelaporan ICGPA pelajar perlu memperlihatkan pencapaian holistik pelajar dan juga pencapaian mereka bagi setiap hasil pembelajaran program di sepanjang tempoh pengajian.

Buku panduan tersebut sangat penting kerana buku ini menggariskan amalan terbaik yang boleh dirujuk untuk mereka bentuk hasil pembelajaran serta merangka tugas yang seajar serta mengandungi rubrik penaksiran atribut bagi Domain Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia (DHP KKM), iaitu (Agensi Kelayakan Malaysia, 2015) seperti berikut:

1. Kemahiran dan Tanggungjawab Sosial;
2. Nilai, Sikap dan Profesionalisme;
3. Kemahiran Komunikasi, Kepimpinan dan Kerja Berpasukan;
4. Kemahiran Penyelesaian Masalah dan Kemahiran Saintifik;
5. Kemahiran Pengurusan Maklumat dan Pembelajaran Sepanjang Hayat; dan
6. Kemahiran Mengurus dan Keusahawanan

Walaupun pendekatan atau sistem iCGPA tidak lagi menjadi kewajipan di setiap universiti, namun asas iCGPA yang menggunakan OBE sebagai panduan perancangan pengajaran dan penaksiran. Justeru, pendekatan ini masih lagi relevan untuk dijadikan panduan dalam penajajaran silibus kursus serta penggunaan rubrik penaksiran untuk menilai domain afektif.

Biggs (1996) telah mencadangkan agar tugas penaksiran serta aktiviti pembelajaran perlu disepadukan dengan hasil yang dihasratkan oleh sesuatu kursus seperti berikut:

1. Hasilkan pernyataan Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) yang menggariskan tahap kompetensi yang sepatutnya dicapai oleh pelajar setelah tamat kursus.
2. Nyatakan dan perincikan tugas yang paling sesuai yang perlu pelajar lakukan (sertakan juga rubrik penskoran) agar mereka boleh memperlihatkan prestasi pencapaian hasil pembelajaran tersebut.



3. Sediakan aktiviti pembelajaran supaya semua pelajar berpeluang melibatkan diri untuk mencapai tahap kompetensi seperti mana yang dihasratkan dalam pernyataan hasil pembelajaran.

Kursus kokurikulum secara umumnya merupakan kursus sokongan berfokuskan kemenjadian pelajar. Kursus kokurikulum ini lebih menumpukan kepada kemahiran insaniah yakni afektif berbanding kemahiran kognitif dan psikomotor. Penggunaan rubrik penaksiran yang sejajar dengan konstruk penilaian adalah perlu untuk memastikan kursus ini mencapai objektif yang telah digariskan dalam HPK. Kementerian Pengajian Tinggi juga telah menetapkan lapan teras KKB yang perlu dilaksanakan oleh setiap universiti untuk menjayakan penerapan nilai kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar universiti awam (UA). Lapan teras tersebut adalah:

- 1) Kepimpinan
- 2) Khidmat Komuniti
- 3) Keusahawanan
- 4) Daya Usaha dan Inovasi
- 5) Kebudayaan
- 6) Kesukarelawanan
- 7) Sukan
- 8) Pengucapan Awam

Berikut merupakan beberapa contoh pelan penjajaran untuk dijadikan panduan dalam penyediaan pada peringkat institusi masing-masing. Contoh yang diberikan hanyalah panduan sahaja yang boleh disesuaikan mengikut keperluan dan peraturan institusi masing-masing.

Pelan penjajaran adalah sesuatu yang sangat penting bagi memastikan kursus yang direkabentuk mempunyai kesejajaran diantara hasil pembelajaran, pendekatan pengajaran dan pembelajaran, item pentaksiran serta rubrik pengukuran. Contoh yang disediakan juga menumpukan kepada keperluan umum jam kredit berdasarkan garis panduan mata pelajaran umum kelompok U4 iaitu sebanyak 2 jam kredit.

**CONTOH 1**

No.	Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	DHP KKM	Kaedah Penyampaian	Komponen/ Kaedah Penaksiran			Perincian Tugas dan Hubungan dengan Atribut DHP KKM	Beban Pembelajaran Pelajar (SLT)
				Tugasan	Pembentangan	Refleksi		
1	Mempamerkan nilai dan sikap positif dalam semua aktiviti <Kursus Kokurikulum>	MQF LOD 4 ( <b>Nilai, Sikap, Etika, Profesional</b> )	Tunjuk ajar, Simulasi, Sesi Kumpulan Kecil		20	30	1. Bertukar peranan sebagai ahli pasukan dalam melaksanakan simulasi 2. Membuat refleksi secara pelaporan atau lisan melalui tugasan yang diberikan	20 jam
2	Menunjukkan hubungan yang baik melalui kerja berpasukan bagi setiap aktiviti <Kursus Kokurikulum>	MQF LOD 5 ( <b>Kerja Berpasukan</b> )	Aktiviti berkumpul main peranan	30	20		Membina hubungan yang baik dalam kerja berpasukan melalui aktiviti lapangan	20 jam
<b>TOTAL</b>				<b>30</b>	<b>40</b>	<b>30</b>	100%	40 jam

## CONTOH 2

No.	Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	MQF DHP	Kaedah Penyampaian	Kaedah Penaksiran/ Komponen			Perincian Tugas dan Hubungan Atribut	Beban Pembelajaran Pelajar (SLT)
				Kajian kes	Projek	Pembentangan		
1	Menunjukkan pengetahuan asas kepimpinan serta kepimpinan berkesan sehingga tercapainya objektif yang disasarkan di dalam aktiviti <Kursus Kokurikulum>	MQF LOD5 (Kepimpinan)	Tunjuk ajar dalam aktiviti berkumpulan		20	10	<ol style="list-style-type: none"> <li>Mengambil peranan sebagai ketua dan ahli pasukan dalam melaksanakan aktiviti lapangan</li> <li>Main peranan dalam pembentangan kumpulan</li> </ol>	12 jam
2	Mempamer ciri-ciri keusahawanan untuk menjadi mahasiswa yang berminda keusahawanan melalui <Kursus Kokurikulum>	MQF LOD8 (Keusahawanan)	Tunjuk cara, Demonstrasi dan Perbincangan.	30		10	<ol style="list-style-type: none"> <li>Mengambil peranan sebagai ketua dan ahli pasukan yang mempunyai visi, jaringan dan keterujaan dalam simulasi keusahawanan secara berkumpulan</li> <li>Main peranan dalam simulasi, pembentangan, laporan penulisan serta memahami dan menjawab soalan.</li> </ol>	16 jam
3	Menunjukkan keberkesanan komunikasi secara lisan dalam <Kursus Kokurikulum>	MQF LOD5 (Komunikasi)	Tunjuk cara, Demonstrasi dan Main peranan		10	20	Memahami dan menjawab soalan dalam kerja berkumpulan	12 jam
<b>JUMLAH</b>				<b>30</b>	<b>30</b>	<b>40</b>	100%	40 jam

### CONTOH 3

No.	Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	MQF DHP	Kaedah Penyampaian	Kaedah Penaksiran/ Komponen			Perincian Tugas dan Hubungan Atribut	Beban Pembelajaran Pelajar (SLT)
				Projek	Pembentangan	Refleksi		
1	Mempamerkan sikap menghormati, kesedaran sendiri dan tanggungjawab sosial melalui aktiviti khidmat komuniti <Kursus Kokurikulum>	MQF LOD3 (Kemahiran dan <b>Tanggungjawab Sosial</b> )	Simulasi Aktiviti / khidmat komuniti	30	20	-	1. Merancang program komuniti 2. Melaksana program bersama komuniti. 3. Pencapaian hasil melalui pemerhatian jurulatih.	20 jam
2	Mempamerkan sikap kesukarelaan terhadap komuniti melalui aktiviti Khidmat komuniti <Kursus Kokurikulum>	MQF LOD4 ( <b>Nilai, Sikap</b> dan Profesionalisme)	Simulasi Aktiviti / khidmat komuniti	30	-	20	1. Merancang program komuniti 2. Melaksana program bersama komuniti. 3. Pencapaian hasil melalui pemerhatian jurulatih	20 jam
<b>TOTAL</b>				<b>60</b>	<b>20</b>	<b>20</b>	100%	40 jam

## **6.6 ITEM PENAKSIRAN**

Item penaksiran kursus kokurikulum dipilih bergantung kepada keperluan atau aspek yang ingin dinilai aktiviti, objektif, kumpulan sasaran, tempoh kursus serta sumber yang ada. Merujuk kepada buku iCGPA (2016), dinyatakan dengan terperinci bentuk pengukuran yang boleh digunakan untuk menilai kemahiran insaniah dalam KKB. Antara bentuk pengukuran yang digunakan adalah refleksi, tugas, projek, pembentangan kajian kes dan sebagainya. Maklumat yang lengkap boleh dirujuk dalam buku iCGPA (2016).

### **6.6.1 Refleksi**

Refleksi adalah proses merenung, menganalisis, mencari alasan, cadangan dan tindakan untuk memperbaiki diri yang berterusan (Ilanipah, 1999). Amalan refleksi merupakan perlakuan memikirkan semula pengalaman pelajar. Ia memerlukan penerokaan unsur-unsur; unsur yang ketara dan tersirat. Proses ini membuat andaian sebab musabab berasaskan fakta-pemerhatian, temu bual dan soal selidik. Refleksi dalam kursus kokurikulum membolehkan pelajar dibimbing untuk menaakul, memilih strategi pelaksanaan tugas dan seterusnya membuat penilaian sendiri. Amalan refleksi ini membolehkan pelajar menghayati dan meningkatkan profesionalisme keguruan secara efektif. Refleksi sangat sesuai digunakan dalam mengukur atribut sikap dan nilai terutamanya, namun masih boleh digunakan untuk atribut lain seperti kepimpinan, tanggungjawab sosial dan sebagainya.

### **6.6.2 Tugas**

Tugas adalah kerja tertentu terutamanya yang perlu dilaksanakan (disiapkan) oleh pelajar. Tugas boleh berbentuk individu ataupun berkumpulan. Justeru, ianya boleh digunakan untuk mengukur banyak atribut dalam domain afektif. Antara atribut yang sesuai menggunakan item penaksiran ini adalah kepimpinan, sikap, tanggungjawab sosial dan pengurusan.

### **6.6.3 Kajian Kes**

Kajian kes adalah kajian tentang sesuatu isu (institusi, organisasi, dan sebagainya) berdasarkan data, maklumat dsb terperinci yang dikumpulkan dalam jangka masa tertentu. Kajian kes sering digunakan dalam usaha melatih pelajar berfikiran kritis dan kreatif dalam menganalisa situasi dan mencadangkan penyelesaian yang sesuai dan efektif. Atribut-attribut yang boleh diukur menggunakan instrumen ini adalah nilai moral, kepimpinan, tanggungjawab sosial serta pengurusan masa.

#### 6.6.4 Pembentangan

Pembentangan adalah perbuatan membentangkan (memapar, menghuraikan, menerangkan) pemaparan, penghuraian dan penerangan. Pembentangan merupakan satu bentuk komunikasi dimana ianya melibatkan penyampaian maklumat yang diintegrasikan dengan suara atau bunyi, imej serta bahasa tubuh. Terdapat tiga komponen utama dalam pembentangan iaitu:

- a. Penyampai
- b. Maklumat dan media yang digunakan
- c. Penerima

